

SULIT

Tasawwur
Islam
Kertas 1
Modul
Kecemerlangan
Akademik
Ogos
2017
1¼ Jam

Nama Pelajar : _____

Tingkatan : _____

MODUL KECEMERLANGAN AKADEMIK TINGKATAN 5

(PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM)

TASAWWUR ISLAM

Kertas 1

Satu jam lima belas minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas ini mengandungi **dua** bahagian :
Bahagian A dan Bahagian B
2. Jawab semua soalan dalam **Bahagian A** dan **Bahagian B**
3. Bulatkan jawapan anda untuk **Bahagian A** di ruang yang disediakan pada halaman belakang dalam kertas soalan ini
4. Tuliskan jawapan anda untuk **Bahagian B** di ruang yang disediakan dalam kertas soalan ini.

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Guru Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1 - 20	20	
B	21 - 40	20	
Jumlah		40	

Kertas soalan ini mengandungi sepuluh halaman bercetak

Bahagian A

(20 markah)

- 1 Antara yang berikut yang manakah perkara yang tidak mampu difikirkan oleh akal tanpa bimbingan wahyu?
- A Alam Ghaib.
 - B Kejadian manusia.
 - C Alam Musyahadah.
 - D Kejadian siang dan malam.
- 2 Pilih pernyataan yang **salah** tentang sumbangan alam kepada manusia.
- A Mengawal pencemaran udara.
 - B Menyediakan keperluan manusia.
 - C Memudahkan pergerakan manusia.
 - D Memudahkan manusia melakukan pekerjaan.
- 3 Pilih pernyataan yang benar tentang alam musyahadah.
- A Akal tidak mampu memikirkannya.
 - B Nikmat yang diperolehi berkekalan.
 - C Tidak boleh ditanggapi oleh pancaindera.
 - D Manusia boleh memanfaatkannya untuk membina tamadun.
- 4 Antara yang berikut yang manakah sumber rujukan agama budaya?
- A Wahyu.
 - B Cita-cita.
 - C Al- Hadis.
 - D Al- Quran.
- 5
- Mengeksploitasi penggunaan media massa untuk menyebarkan dakwah serta fitnah seperti melalui akhbar dan filem
- Keterangan di atas adalah sebahagian daripada
- A cara menangani budaya asing.
 - B cara kemasukan budaya asing.
 - C bentuk ancaman budaya asing.
 - D kebaikan budaya asing.
- 6 Manakah antara berikut merupakan elemen pembentukan negara Islam?
- A Rakyat.
 - B Hakim.
 - C Kerajaan.
 - D Orang Islam.

7

Islam ialah agama yang sesuai bagi semua manusia tanpa mengira bangsa, tempat dan zaman.

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A Waq'iyah.
 - B 'Alamiyyah.
 - C Rabbaniyyah.
 - D Syumuliyah.
- 8 Antara yang berikut yang manakah cara untuk menghayati sifat Rabbaniyyah?
- I Mengamalkan akhlak mulia
 - II Menuntut ilmu pengetahuan
 - III Melaksanakan segala kemahuan hidup
 - IV Meninggalkan segala larangan Allah SWT
- A I,II dan III
 - B I,II dan IV
 - C I, III dan IV
 - D II, III dan IV
- 9 Pilih jawapan yang betul mengenai kepentingan sistem kehakiman Islam.
- A Membebaskan tertuduh jika ada keraguan.
 - B Tidak menjatuhkan hukuman ketika marah.
 - C Menjatuhkan hukuman yang adil.
 - D Mendidik jiwa manusia.
- 10 Antara yang berikut yang manakah ciri sistem sosial Islam?
- A Bertoleransi dalam semua urusan.
 - B Mengutamakan individu daripada umum.
 - C Pergaulan berdasarkan tuntutan wahyu.
 - D Mengamalkan adat resam pelbagai kaum.
- 11 Yang manakah antara berikut ialah kesan kesungguhan bekerja kepada individu?
- A memupuk sikap berdikari.
 - B menaikkan taraf hidup masyarakat.
 - C merangsang pertumbuhan ekonomi.
 - D meningkatkan daya saing di antara negara maju.
- 12 Satu daripada hikmah penetapan hukum sunat ialah _____
- A memberi kebebasan memilih sama ada mahu melakukannya atau tidak.
 - B menguji manusia sama ada mematuhi perintah Allah SWT atau mengingkarinya.
 - C memberi peluang mendapatkan sebanyak mungkin ganjaran pahala daripada Allah SWT.
 - D mengelakkan manusia daripada melakukan penindasan dan kemusnahan sesama mereka.

- 13 Sistem al-Mudharabah amat praktikal kepada pelabur dan pengusaha kerana
- A pelabur dapat mengembangkan hartanya walaupun tiada kepakaran.
 - B pelabur yang mempunyai kepakaran dapat mengembangkan hartanya.
 - C pengusaha yang mempunyai modal dapat mengembangkan hartanya.
 - D pengusaha yang mempunyai kepakaran dan modal dapat mengembangkan hartanya.

14

“Apabila engkau mengerjakan solat, sempurnakanlah wudukmu, kemudian hadaplah ke kiblat kemudian takbirlah”

(Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Situasi di atas menerangkan mengenai

- A Ihsan di dalam ibadat.
 - B Peraturan di dalam beribadat.
 - C Tuntutan di dalam hukum syarak.
 - D Bersungguh-sungguh di dalam beribadat.
- 15 Manakah padanan yang betul mengenai kesalahan dan hukuman jenayah menurut Islam.

	Kesalahan	Hukuman
A	Murtad	Disebat 100 kali
B	Zina muhsan	Disebat 100 kali
C	Minum arak	Disebat 40 kali
D	Qazaf	Disebat 40 kali

16

Jati diri bermaksud daya kreatif, inovatif dan produktif dalam melaksanakan pekerjaan.

Sifat tersebut boleh dicapai melalui _____.

- A amalan kebajikan.
- B hubungan baik sesama manusia.
- C penguasaan ilmu dan kepakaran.
- D mengamalkan sikap toleransi dan saling bekerjasama.

17

- Mengelakkan manusia daripada sombong dan terlalu mencintai harta.
- Menjadikan manusia bersyukur dengan harta yang dimilikinya.

Pernyataan di atas merujuk kepada _____.

- A peranan harta
- B batasan hak milik harta
- C kepentingan hak milik harta
- D peraturan dalam pemilikan harta

- 18** Antara yang berikut yang manakah tanggungjawab anak terhadap ibubapa?
- A Menyediakan keperluan asas.
 - B Memberi kekayaan kepada ibubapa.
 - C Melaksanakan tanggungjawab dalam pelajaran.
 - D Memastikan mendapat pendidikan yang sempurna.
- 19** Antara berikut yang manakah faedah mengamalkan perundangan Islam terhadap individu?
- A Mengelakkan perpecahan dan pergaduhan.
 - B Melahirkan masyarakat yang aman dan sejahtera.
 - C Memantapkan keamanan dan kedaulatan negara.
 - D Melahirkan insan yang bertanggungjawab dan bertaqwa.
- 20** Manakah antara berikut matlamat Fikah?
- A Mengelirukan umat Islam dalam memahami suruhan dan larangan Allah SWT.
 - B Memastikan hukum-hukum Islam sentiasa berkembang.
 - C Keputusan yang dikeluarkan menepati kehendak syarak.
 - D Mewujudkan masyarakat yang aman damai.

Bahagian B

[20 markah]

Soalan 21 *hingga* soalan 25

Tulis istilah yang bersesuaian dengan pernyataan berikut pada ruangan yang disediakan berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.

Tawakkal	Qazaf	Fitrah beragama
Qadha	Al - Quran	Taubat

1

- 21** Kalam Allah SWT yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui malaikat Jibril untuk diamalkan dan disampaikan kepada manusia.

--

1

- 22** Naluri semulajadi manusia yang mengakui adanya Allah SWT.

--

1

- 23** Penghakiman atau keputusan yang telah diputuskan oleh pihak mahkamah.

--

1

- 24** Sesal dengan perbuatan dosa yang telah dilakukan dan berazam tidak akan melakukannya lagi.

--

1


- 25** Menuduh seseorang yang baik melakukan zina tanpa bukti.

--

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

Soalan 26 hingga soalan 27

Carta A di bawah menunjukkan bahagian nilai-nilai luhur dalam Sistem Sosial Islam.
Tulis jawapan yang betul.



Carta A

Berdasarkan carta di atas,

26 P ialah _____

27 Q ialah _____



1

1

Soalan 28 hingga Soalan 29

Carta B menunjukkan prinsip-prinsip Islam.

Tulis jawapan yang betul berdasarkan pilihan jawapan yang disediakan.



1

1

Untuk
Kegunaan
Pemeriksa

Soalan 30 dan 32

Berdasarkan ciri-ciri persamaan yang diberi, tuliskan jenis-jenis muamalah yang bersesuaian dengan pernyataan di bawah.

Al-Bai' bithaman ajil	Al-Mudharabah	Al-Ijarah	Al-Takaful
--------------------------	---------------	-----------	------------

- | | Persamaan | Jenis Muamalah |
|----|--|--|
| 30 | Satu bentuk simpanan dan pelaburan wang. | <input style="width: 150px; height: 25px;" type="text"/> |
| 31 | Kontrak jual beli barangan secara ansuran. | <input style="width: 150px; height: 25px;" type="text"/> |
| 32 | Satu cara menolong orang yang memerlukan sesuatu barangan. | <input style="width: 150px; height: 25px;" type="text"/> |

Soalan 33 hingga soalan 36

Tulis jawapan yang betul bagi pernyataan dibawah.

- 33 Agama Islam bersifat _____ yang bermaksud lengkap dan sempurna serta meliputi kehidupan di dunia dan akhirat.
- 34 Hadis menghuraikan nas-nas al-Quran yang _____.
- 35 _____ ialah menceritakan kepada orang lain amalan baik yang dilakukan untuk mendapat pujian dan sanjungan.
- 36 _____ ialah menggunakan kemahiran dan kepakaran untuk memperoleh keuntungan peribadi dengan cara yang salah.

Soalan 37 hingga soalan 40

*Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul
Tandakan (X) pada pernyataan yang salah.*

- 37** Bilangan rasul adalah ramai dan kita diwajibkan mengetahui 25 orang sahaja.
- 38** Hakim boleh menyebelahi mana-mana pihak yang difikirkan perlu.
- 39** Langkah untuk mempertingkatkan kualiti kerja dalam Islam ialah dengan sentiasa membuat perancangan yang rapi sebelum melakukan sebarang kerja.
- 40** Takzir ialah hukuman yang ditetapkan oleh syarak yang melibatkan kecederaan tubuh badan atau nyawa.

1

1


1

1

KERTAS SOALAN TAMAT

KERTAS JAWAPAN
BAHAGIAN A
(20 markah)

1		6		11		16	
2		7		12		17	
3		8		13		18	
4		9		14		19	
5		10		15		20	



(Bahagian B)
(20 markah)

21.		31	
22.		32	
23.		33	
24.		34	
25.		35	
26.		36	
27.		37	
28.		38	
29.		39	
30.		40	

